

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
PENGARAH JAS PAHANG**

TUAN HAJI WANDI YADZID BIN HAJI YAAKOB

**PROGRAM GAMBUT RUN 5.0 SEMPENA SAMBUTAN HARI OZON
SEDUNIA 2023 DAN ECO-SCHOOLS**

16 SEPTEMBER 2023

Terima kasih saudara Pengacara Majlis;

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Yang Berusaha Puan Hajah Marfo'ah binti Haji Yunos
Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bunut Rendang, Kuantan

Yang Berusaha Puan Noor Shahnuyati binti Ahmad Shukri
Timbalan Pengarah Operasi
Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Yang Berusaha Encik Mohd Shapian Bin Mohd Nor
Penolong Kanan Pentadbiran
Sekolah Kebangsaan Bunut Rendang, Kuantan

Yang Berusaha Encik Azman Bin Samsudin
Penolong Kanan HEM
Sekolah Kebangsaan Bunut Rendang, Kuantan

Yang Berusaha Encik Shamsuddin Bin Ali
GPK Kokurikulum
Sekolah Kebangsaan Bunut Rendang, Kuantan

Yang Berusaha Puan Salmah binti Razali
GPK Pendidikan Khas
Sekolah Kebangsaan Bunut Rendang, Kuantan

Guru-guru, pelajar-pelajar, Kakitangan Jabatan Alam Sekitar serta hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum dan salam sejahtera saya ucapkan.

Saya amat berbesar hati di atas kesudian Tuan-tuan dan Puan-Puan kerana dapat bersama-sama hadir di Program Gambut Run 5.0 Sempena Hari Ozon Sedunia dan Eco-Schools Peringkat Negeri Pahang Tahun 2023.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada 16 September setiap tahun, kita bersama 196 negara yang menjadi parti kepada Protokol Montreal Mengenai Bahan Pemusnah Lapisan Ozon meraikan Hari Ozon Antarabangsa. Tema sambutan pada tahun ini iaitu “**Montreal Protocol – fixing the ozone layer and reducing climate change**” yang diterjemahkan ke Bahasa Melayu sebagai “**Protokol Montreal – memperbaiki lapisan ozon dan mengurangkan perubahan iklim**” dengan slogan yang mencerminkan usaha kolektif semua negara-negara parti kepada Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal dalam memulihara lapisan ozon sejak penubuhan Konvensyen Vienna pada tahun 1985.

Maklumat terkini yang diperolehi daripada Panel Penilaian Sainifik kepada Protokol Montreal telah mengesahkan bahawa pemulihan lapisan ozon berada di atas landasan yang betul dan tahap ozon adalah dijangka kembali ke tahap 1980 sekitar 2066 di Antartika.

Tema sambutan hari ozon bagi tahun 2023 yang ditetapkan oleh *United Nation Enviroment Programme (UNEP)* membawa maksud yang luas dimana secara signifikannya Perjanjian Pelbagai Hala Protokol Montreal ini telah memberi banyak manfaat khususnya kepada manusia ke arah kehidupan yang lebih selesa dan alam sekitar yang lebih terpelihara.

Walau bagaimanapun, faedah Protokol Montreal ini mengambil masa yang lama untuk diperolehi. Pindaan Kigali (*Kigali Ammendment*) terhadap Protokol Montreal telah dibuat, bertujuan untuk menghentikan pengeluaran dan penggunaan hidrofluorokarbon (HFCs) - gas pemanasan iklim yang kuat dengan menggantikan bahan yang menyebabkan penipisan ozon di dalam industri penyejukan.

Sebagai Negara Parti kepada Protokol Montreal sejak 1989, Malaysia telah memberikan komitmen dalam menghapuskan serta mengawal penggunaan Bahan-bahan Pemusnah Ozon yang berpotensi menipiskan lapisan ozon. Secara tidak langsung, ini juga memberi manfaat bersama kepada iklim dunia.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Allah SWT juga melarang manusia untuk melakukan kerosakan kepada alam. Larangan tersebut jelas tertulis di dalam Qur'an surah Al-A'raf ayat 56 yang membawa maksud "Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi setelah (diciptakan) dengan baik. Berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut dan penuh harap. Sesungguhnya rahmat Allah sangat dekat kepada orang yang berbuat kebaikan". Sehubungan dengan itu, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama menyokong usaha negara dalam mengawal penggunaan bahan-bahan pemusnah ozon.

Selain memfokuskan kepada usaha dalam memperbaiki lapisan ozon dan mengurangkan perubahan iklim, pencemaran udara melalui pembakaran terbuka juga menjadi salah satu perkara yang perlu diberi perhatian.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, terdapat sekitar 196,050 hektar tanah gambut di negeri Pahang, meliputi Daerah Kuantan, Pekan dan Rompin. Tanah gambut secara semula jadinya mempunyai kandungan kelembapan yang tinggi, berperanan menyerap air semasa musim hujan dan melepaskannya secara beransur - ansur semasa musim kering. Namun, pembukaan tanah gambut secara tidak terkawal bagi tujuan pembangunan guna tanah telah menyebabkan kehilangan air dari kawasan gambut. Kebakaran tanah gambut yang berlanjutan akan menyebabkan berlakunya jerebu setempat dan boleh menjejaskan ekonomi serta memudaratkan kesihatan orang ramai.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sejajar dengan titah Baginda, Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Jabatan ini mendukung usaha Baginda di dalam pelaksanaan Program Eco-Schools yang bertujuan untuk menerapkan pengintegrasian pendidikan perubahan iklim dalam kurikulum. Ianya merupakan salah satu inisiatif dalam memperkasakan generasi muda dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai diperlukan bagi menangani cabaran alam sekitar yang semakin mendesak melalui pendidikan.

Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Sekolah ini, iaitu Sekolah Kebangsaan Bunut Rendang kerana telah terpilih menjadi salah satu sekolah yang disasarkan untuk menjadi sekolah hijau, Eco-Schools.

Sambutan Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Pahang bagi tahun ini sangat bermakna buat kita semua kerana mendapat kerjasama daripada pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pahang. Penglibatan pihak Institusi Pendidikan di Negeri Pahang bagi program seperti ini bukan sahaja mengukuhkan jalinan kerjasama di antara pihak kerajaan dan Institusi pendidikan.

Disamping itu, kerjasama ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan nilai penghayatan alam sekitar di kalangan pendidik atau pensyarah serta pelajar-pelajar Institusi pendidikan yang juga merupakan generasi yang akan menerajui Negara di masa akan datang. Harapan saya program kerjasama ini tidak seharusnya berhenti di sini dan perlu diteruskan di masa-masa akan datang.

Jadi, pada hari ini pelbagai aktiviti telah dijalankan sempena sambutan Hari Ozon peringkat Negeri Pahang antaranya adalah Larian Gambut. Larian Gambut dengan tema #JomLariSantai merupakan program larian tahunan anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pahang yang bertujuan untuk mempromosikan dan memberikan kesedaran kepada orang awam mengenai kepentingan kawasan gambut.

Selain itu, program pengumpulan buangan elektrik & elektronik (ewaste) juga telah dijalankan oleh pihak sekolah, Acara Mewarna, Ujian *Refrigerant Identifier* dan Karbon Monoksida (CO)/ Hidrokarbon (HC) secara

percuma untuk kenderaan, Pocket Talk Sempena Hari Ozon Sedunia dan juga Kuiz Interaktif Hari Ozon Sedunia.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih serta merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis yang sungguh bermakna ini. Bersama-samalah kita berusaha menyelamatkan alam sekitar bagi memastikan kesejahteraan alam sekitar sejagat dapat dinikmati oleh generasi masa kini dan akan datang. Marilah kita bersama-sama menjadikan kelestarian alam sekitar dan pembangunan lestari tanggungjawab kita bersama.

Dengan Lafaz **Bismillahirrahmanirahim**, saya merasmikan

**PROGRAM PENUTUP GAMBUT RUN 5.0 SEMPENA SAMBUTAN HARI
OZON SEDUNIA 2023 DAN ECO-SCHOOLS PERINGKAT NEGERI
PAHANG**

Wabilahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah
Hiwabarakatuh.

Sekian, Terima kasih.